

11 AUG 2002

Lim-Komoditi

MALAYSIA YAKIN HARGA KOMODITI UTAMA DAPAT DIPERTAHANKAN

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Malaysia yakin paras tinggi harga komoditi utama negara terutama getah dan kelapa sawit akan terus bertahan berikutan mekanisme kerjasama yang dijalankan dengan negara-negara pengeluar utama kedua-dua komoditi itu.

Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata dengan adanya kerjasama rapat dengan negara pengeluar utama lain iaitu Indonesia dan Thailand, bekalan komoditi berkenaan di pasaran dunia akan dapat dikawal bagi mengelakkan keadaan lebih bekalan yang membawa kepada kejatuhan harga.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Gerakan Selangor di sini, beliau berkata perjanjian yang ditandatangani oleh Malaysia, Indonesia dan Thailand di Bali baru-baru ini bagi menubuhkan konsortium bagi mengawal harga getah merupakan mekanisme terbaik untuk mengawal harga komoditi itu di pasaran dunia.

Katanya konsortium Pertubuhan Getah Tiga Pihak Antarabangsa itu akan bertindak memasarkan getah di pasaran dunia di samping mewujudkan stok penimbun jika perlu.

"Ini akan memanfaatkan kira-kira 10 juta pekebun kecil di ketiga-tiga negara yang menghasilkan 70 peratus keluaran getah dunia," katanya.

Dr Lim berkata konsortium itu ditubuhkan hasil Perjanjian Bali pada 31 Dis, 2001 dengan modal awal yang dipersetujui ialah sebanyak AS\$225 juta (RM855 juta).

Beliau berkata harga getah SMR 20 kini pada paras 306 sen sekilo berbanding 180 sen sekilo sebelumnya, yang naik sehingga 80 peratus.

Mengenai kelapa sawit, beliau berkata semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Bali, Indonesia pada Rabu lepas, kedua-dua negara telah menandatangani perjanjian kerjasama bagi mengawal harga minyak sawit dunia.

Dr Lim berkata dalam perjanjian itu, kedua-dua pihak bersetuju sektor swasta Malaysia dan Indonesia yang terlibat dalam perdagangan minyak sawit menjalankan kerjasama rapat dalam aspek bekalan dan harga bagi memastikan harga komoditi itu tidak menjunam di pasaran dunia.

"Saya yakin menerusi kerjasama itu, paras harga minyak sawit yang kini naik dari paras bawah RM700 satu tan kepada hampir RM1,500 satu tan akan terus dapat dipertahankan," katanya.

Mengenai harga koko pula, beliau berkata ia kini berada pada paras tertinggi dalam tempoh 20 tahun iaitu RM6,500 satu tan berbanding bawah RM3,000 satu tan sebelumnya.

Ini kerana bekalan yang berkurangan akibat kesan cuaca tidak menentu di beberapa negara Afrika yang merupakan pengeluar utama bahan itu, katanya.

-- BERNAMA

AKT HS NAK